

03 MAR 1998

Ting-Pokok

PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG MAMPU DIGALAK TANAM LEBIH BANYAK POKOK

KUALA SELANGOR, 3 Mac (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan yang kukuh daripada segi sumber kewangan disaran mengeluarkan belanja sendiri bagi meneruskan kempen menanam pokok yang dilancarkan tahun lepas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata walaupun kementerian mempunyai peruntukan untuk kempen itu tetapi dalam kegawatan ekonomi sekarang adalah wajar bagi pihak berkuasa berkenaan supaya membelanjakan wang mereka sendiri.

"Jika keadaan kewangan mengizinkan, pihak berkuasa tempatan berkenaan boleh mengeluarkan belanja sendiri untuk melaksanakan tanggungjawab sosial ini dan jika boleh mereka digalak menanam melebihi sasaran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen menanam pokok di Taman Alam di sini, hari ini.

Ting berkata secara keseluruhan kempen itu menunjukkan kejayaan yang memuaskan dan dari tarikh pelancaran pada Mac tahun lepas sehingga Disember sebanyak 538,159 batang pokok ditanam di seluruh negara.

"Ini termasuk pencapaian 100 peratus oleh lima kerajaan negeri tetapi tahun ini kita ingin melihat pencapaian yang sama oleh semua kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata kementerian juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu Kempen Menanam Pokok yang bertujuan untuk merangka, menyelaraskan dan mengesan aktiviti kempen di seluruh negara.

Katanya, kementerian juga mahu jawatankuasa itu ditubuhkan di peringkat negeri dan pihak berkuasa supaya penyelarasan dapat dibuat bukan sahaja di antara agensi kerajaan tetapi juga di antara badan bukan kerajaan yang bergiat aktif melaksanakan kempen itu.

Ting juga berkata aktiviti menanam pokok tanpa usaha untuk menjaganya tidak akan menjamin kejayaan kempen itu.

Kempen itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada bulan Mac tahun lepas dengan sasaran tiga juta pokok menjelang tahun 2000 untuk menghijaukan bumi serta mencantikkan landskap negara. Setiap negeri perlu menanam 80,000 batang pokok sebagai sasaran tahunan. --

BERNAMA

KM AKD